



**KETUA SETIAUSAHA**  
SECRETARY GENERAL  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**  
MINISTRY OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA

ARAS 35, KOMPLEKS KKMM  
LOT 4G9 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA,

Telefon : 03-8911 5254  
Faksimili : 03-8911 5885  
Laman Web: [www.kkmm.gov.my](http://www.kkmm.gov.my)

Ruj. Kami : KKMM. 100-1/6/1 JLD.2 (19)  
Tarikh : 26 April 2022

Seperti senarai edaran

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**  
**BILANGAN 4 TAHUN 2022**

---

**TATACARA PERAKAUNAN ASET TAK KETARA KANDUNGAN**  
**KREATIF PENYIARAN JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini disediakan bertujuan memberikan panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai tatacara perakaunan bagi Aset Tak Ketara (ATK) Kandungan Kreatif Penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) supaya ia diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 7.1: Tatacara Pengurusan Aset Tak Ketara Kerajaan, ATK merupakan aset bukan kewangan yang dapat dikenal pasti tanpa **kewujudan secara fizikal** iaitu aset tidak boleh dipegang atau dilihat secara fizikal. Aset yang boleh diakaunkan sebagai ATK hendaklah memenuhi kriteria ATK seperti yang berikut dan kos atau nilainya boleh diukur dengan pasti:

- (i) Aset boleh dikenal pasti iaitu ia boleh dipisahkan atau diasingkan serta wujud melalui ikatan perundangan yang sah;
- (ii) Terdapat kawalan ke atas aset dari segi perundangan iaitu terdapatnya hak untuk mendapatkan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dan menyekat pihak lain daripada menikmati manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan ke atas aset tersebut; dan
- (iii) Wujudnya manfaat ekonomi di masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang diperolehi daripada penggunaan ATK termasuk hasil daripada penyewaan atau penjualan produk/ perkhidmatan dan penyampaian perkhidmatan penyiaran kepada rakyat selaras dengan objektif Kementerian dan Jabatan.

- 2.2. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 9 Tahun 2017: Pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri yang melaksanakan perakaunan asas akruan hendaklah memastikan semua urusanniaga diperakaunkan mengikut MPSAS yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 2.3. ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM perlu diakaunkan selaras dengan piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 31: Aset Tak Ketara. ATK hendaklah diukur pada nilai:
- (i) **Kos** bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran; atau
  - (ii) **Kos** bagi aset yang dihasilkan secara dalaman; atau
  - (iii) **Saksama** bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran.
- 2.4. Kandungan Kreatif Penyiaran RTM adalah merujuk kepada filem/ program televisyen (TV) seperti *telemovie*, cereka, drama bersiri, majalah, dokumentari, animasi, candawara dan lain-lain, sama ada hak siaran dimiliki sepenuhnya oleh RTM atau hak siaran terhad, yang disiarkan di pelbagai saluran TV RTM serta media digital.

- 2.5. Garis panduan ini menghuraikan tatacara bagi pengurusan perakaunan ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang diperolehi melalui **kaedah perolehan/ pembelian** sahaja dan tidak terpakai bagi ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang dibangunkan secara dalaman (in-house).
- 2.6. Perolehan ATK melalui kaedah perolehan/ pembelian adalah berdasarkan perolehan biasa dalam Sistem ePerolehan/ iGFMAS (Modul *Material Management* (MM) & Modul *Asset Accounting* (AA)).

### **3. PEKELILING DAN PERATURAN BERKUATKUASA**

- 3.1. MPSAS 31: Aset Tidak Ketara
- 3.2. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP) AM 7.1: Tatacara Pengurusan Aset Tidak Ketara
- 3.3. SPANM Bilangan 2 Tahun 2022: Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan
- 3.4. SPANM Bilangan 10 Tahun 2017: Carta Akaun Asas Akruan
- 3.5. Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA) Aset Tak Ketara

3.6. Manual Prosedur Kerja (MPK) iGFMAS: Modul *Asset Accounting (AA)*

3.7. Manual Pengguna iGFMAS: Modul Perakaunan Aset

## **4. TAKRIFAN**

### **4.1 Perolehan Aset Secara Pertukaran**

Perolehan aset yang melibatkan pertukaran/ pembayaran dengan nilai yang sama dalam bentuk wang tunai. Nilai harga kos pada tarikh perolehan/ pembelian diguna pakai bagi memperakaunkan ATK.

### **4.2 Perolehan Aset Secara Bukan Pertukaran**

Aset yang diperolehi secara sumbangan/ pemberian/ hadiah yang tidak melibatkan pertukaran/ pembayaran. Nilai saksama pada tarikh penerimaan diguna pakai bagi memperakaunkan ATK.

### **4.3 Pengukuran Usia Guna**

Jangka masa sesuatu ATK dapat memberikan perkhidmatan kepada Jabatan dan dikategorikan kepada:

#### **(a) Usia Guna Dapat Ditetapkan**

Had jangka masa berdasarkan kepada tempoh penyiaran, terma kontrak bagi hak siaran, undang-undang dan teknologi.

**(b) Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan**

Had jangka masa sesuatu ATK dapat memberikan manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan adalah tidak boleh dijangka. Contoh: Filem retro/ klasik.

**4.4 ATK Yang Dipermodalkan**

Perolehan aset yang diperakaunkan sebagai **aset bukan semasa** yang merupakan sumber yang boleh dikawal dan mempunyai manfaat ekonomi kepada PTJ.

**4.5 ATK Tidak Dipermodalkan**

Perolehan aset yang diperakaunkan sebagai **belanja** yang dikategorikan kepada:

**(a) Aset Tidak Dipermodalkan < RM2,000**

Termasuk **aset bernilai rendah** yang kurang daripada RM2,000 seunit iaitu berdasarkan Polisi Perakaunan Akruan yang dikeluarkan oleh JANM.

**(b) Aset Tidak Dipermodalkan  $\geq$  RM2,000**

Termasuk aset yang bernilai sama atau melebihi daripada RM2,000 seunit tetapi dijangka digunakan **tidak melebihi satu tempoh pelaporan** iaitu kurang 12 bulan.

#### 4.6 Pelupusan

Proses untuk melupus dan menyahiktiraf aset daripada milikan, pegangan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan.

### 5. PELAKSANAAN

- 5.1 Bagi ATK yang diperolehi daripada tahun 2017 hingga 2021, nilai ATK Yang Dipermodalkan dimuat naik ke sistem iGFMAS melalui proses migrasi data. Bagi perolehan mulai tahun 2022, nilai ATK diperakaunkan di sistem iGFMAS apabila perolehan dibuat melalui sistem ePerolehan atau iGFMAS.
- 5.2 Titik pengiktirafan bagi perolehan ATK secara pertukaran adalah berdasarkan kepada **tarikh *Fulfillment Receipt Notes (FRN)/ Goods Received Notes (GRN)***. ATK diakaunkan ke sistem iGFMAS secara automatik selepas FRN/ GRN diperaku II.
- 5.3 Titik pengiktirafan bagi perolehan ATK secara bukan pertukaran adalah merujuk kepada **tarikh terima aset dengan syarat penerimaan aset telah mendapat kelulusan penerimaan hadiah/ pemberian oleh Pihak Berkuasa Melulus** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008.

- 5.4 PTJ hendaklah memastikan peruntukan di bawah **Objek Sebagai (OS) 39000** adalah mencukupi dalam penyediaan belanjawan tahunan bagi membiayai perolehan/ pembelian ATK.
- 5.5 PTJ hendaklah menggunakan kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA) yang betul bagi memastikan pelaporan ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM dalam Penyata Kewangan Kementerian adalah tepat.
- 5.6 Kandungan Kreatif Penyiaran RTM dikategorikan seperti yang berikut:
- (i) Kandungan Kreatif Hak Milik Penuh
  - (ii) Kandungan Kreatif Hak Siaran Terhad ( $\geq 12$  bulan)
  - (iii) Hak Penyiaran Eksklusif ( $< 12$  bulan)
- 5.7 **Kandungan Kreatif Hak Milik Penuh**
- 5.7.1 Perolehan Kandungan Kreatif Hak Milik Penuh terbahagi kepada dua (2) iaitu:
- (i) Perolehan melalui proses *pitching*, iaitu, cadangan konsep idea dikemukakan oleh produksi kepada RTM berdasarkan keperluan yang dinyatakan oleh RTM; dan



(ii) Perolehan dalam bentuk produk siap bersekali dengan hak siaran penuh.

5.7.2 Kandungan Kreatif Penyiaran yang diperolehi merupakan hak milik RTM dan boleh ditayangkan berulang kali tanpa had. Contoh ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang diperolehi adalah seperti *telemovie*, drama bersiri, program hiburan/ memasak/ dokumentari/ bual bicara dan lain-lain.

5.7.3 Tempoh usia guna ATK ini hendaklah ditentukan oleh PTJ berdasarkan tempoh ATK dapat digunakan dalam penyampaian perkhidmatan.

5.7.4 Kod CAA untuk memperakaunkan ATK Kandungan Kreatif Hak Milik Penuh adalah berdasarkan klasifikasi pengukuran usia guna dan klasifikasi perolehan sama ada dengan pertukaran atau bukan dengan pertukaran seperti yang berikut:

(a) ATK Yang Dipermodalkan (Kos per unit  $\geq$  RM2,000.00)

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
Usia Guna Dapat Ditentukan	A2339104	A2339204	Filem, Program
Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan	A2439104	A2439204	Penyiaran, Dan Penerbitan

(b) ATK Yang Tidak Dipermodalkan (Kos per unit < RM2,000.00)

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
ATK Yang Tidak Dipermodalkan	B0339104	B0339204	Filem, Program Penyiaran, Dan Penerbitan

## 5.8 Kandungan Kreatif Hak Siaran Terhadap (Kontrak $\geq$ 12 bulan)

5.8.1 Perolehan ATK Kandungan Kreatif Hak Siaran Terhadap adalah melalui proses *screening* daripada produksi swasta tempatan dan luar negara yang disewa hak siarannya sahaja berdasarkan tempoh dan bilangan tayangan tertentu. RTM berhak untuk menyiarkan filem dan program TV mengikut tempoh masa dan bilangan tayangan yang dipersetujui dalam kontrak. Contoh ATK Kandungan Kreatif Hak Siaran Terhadap yang diperolehi adalah drama bersiri Korea, filem Tamil, program realiti TV, filem P.Ramlee dan lain-lain.

5.8.2 Tempoh usia guna ATK ini hendaklah ditentukan oleh PTJ berdasarkan tempoh kontrak.

5.8.3 Kod CAA untuk memperakaunkan ATK Kandungan Kreatif Siaran Terhad adalah berdasarkan klasifikasi perolehan sama ada dengan pertukaran atau bukan pertukaran seperti yang berikut:

(a) ATK Yang Dipermodalkan (Kos per unit  $\geq$  RM2,000.00)

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
Usia Guna Dapat Ditetapkan	A2339105	A2339205	Lesen & Hak Tayangan Penyiaran

(b) ATK Yang Tidak Dipermodalkan (Kos per unit  $<$  RM2,000.00)

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
ATK tidak dipermodalkan	B0339105	B0339205	Lesen & Hak Tayangan Penyiaran

## 5.9 Hak Penyiaran Eksklusif (Kontrak $<$ 12 bulan)

5.9.1 Perolehan hak penyiaran melalui proses bidaan bagi siaran eksklusif seperti *FIFA World Cup* dan *Olympic*. RTM berhak untuk menyiarkan program mengikut tempoh masa tertentu dengan hak siaran dan hak tayangan yang dipersetujui dalam kontrak.

5.9.2 Hak Penyiaran Eksklusif mempunyai tempoh siaran kurang 12 bulan dan hendaklah diperakaunkan terus kepada belanja pada tahun ia diperolehi sebagai **aset tidak dipermodalkan**.

5.9.3 Kod CAA untuk memperakaunkan ATK Hak Penyiaran Eksklusif RTM adalah seperti berikut:

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
ATK Tidak Dipermodalkan	<b>B0339444</b>	<b>B0339444</b>	Aset Tidak Dipermodalkan Yang Lain

5.10 Bagi mewujudkan/ mengemaskini Data Induk Aset, PTJ hendaklah mengambil tindakan berikut di Portal iGFMAS:

**(i) Perolehan Aset Melalui Sistem ePerolehan/ iGFMAS**

- (a) Data induk diwujudkan secara **automatik** oleh sistem iGFMAS melalui penjana nombor pendaftaran (ID) aset apabila aset diperakaunkan.
- (b) Mengemaskini maklumat berkaitan keterangan ATK yang termasuk tempoh usia guna ATK dalam Data Induk Aset. Contohnya tempoh maksimum usia guna dalam iGFMAS adalah 20 tahun tetapi perlu dikemaskini mengikut tempoh kontrak selama 24 bulan.

**(ii) Perolehan ATK Melalui Hadiah/ Sumbangan**

- (a) Data induk aset hendaklah diwujudkan secara **manual** oleh PTJ Dipertanggung.
- (b) Mengemaskini maklumat berkaitan keterangan ATK yang termasuk tempoh usia guna ATK dalam Data Induk Aset.

**6. PELUNASAN ASET TAK KETARA**

- 6.1 PTJ hendaklah memastikan usia guna ATK ditentukan dengan betul supaya pelunasan nilai ATK dapat diperakaunkan dengan tepat di sistem iGFMAS di sepanjang tempoh usia gunanya.
- 6.2 Pelunasan hanya melibatkan ATK bagi usia guna yang dapat ditentukan dan tiada pelunasan bagi ATK usia guna yang tidak dapat ditentukan.
- 6.3 Bagi ATK Usia Guna Boleh Ditentukan, sistem iGFMAS ditetapkan dengan tempoh usia guna maksimum untuk melunaskan kos ATK dan PTJ hendaklah **menggunakan kepakaran teknikal** bagi menentukan jangkaan tempoh usia guna bersesuaian serta diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Jabatan atau **terma kontrak**.

6.4 Di antara faktor-faktor yang mempengaruhi tempoh penggunaan ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM adalah seperti berikut:

- (1) Perubahan minat dan trend selaras dengan perubahan generasi penonton/ pendengar.
- (2) Tindakan pesaing dan *pace setter* industri penyiaran.
- (3) Perubahan teknologi digital yang berkait rapat dengan industri kandungan kreatif.
- (4) Limitasi undang-undang atau yang setaraf dengannya terhadap penggunaan aset.
- (5) Akses kawalan PTJ terhadap manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan terhad berdasarkan tempoh yang dinyatakan dalam kontrak.

6.5 Kaedah pelunasan yang digunakan dalam iGFMAS adalah kaedah garis lurus iaitu berdasarkan kepada tempoh usia guna atau tempoh pemberian hak/ lesen untuk penyiaran (license period) seperti mana dinyatakan di dalam kontrak.

6.6 Kod CAA bagi memperakaunkan pelunasan nilai ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM adalah seperti yang berikut:

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
Kandungan Kreatif Hak Milik Penuh	B6139104	B6139204	Filem, Program Penyiaran, Dan Penerbitan

Klasifikasi	Kod CAA		Perihal Kod CAA
	Pertukaran	Bukan Pertukaran	
Kandungan Kreatif Hak Siaran Terhad	B6139105	B6139205	Lesen & Hak Tayangan Penyiaran

6.7 PTJ hendaklah menyemak Laporan Susut Nilai Aset di Portal iGFMAS dengan Laporan Hasil/ Belanja/ Aset/ Liabiliti/ Ekuiti (Ringkasan) secara bulanan. Sekiranya berlaku ketidaktepatan/ kesilapan data, RTM bertanggungjawab memaklumkan perkara tersebut kepada Bahagian Akaun K-KOMM untuk tindakan selanjutnya.

## 7. PELUPUSAN ASET TAK KETARA

7.1 Pelupusan (fizikal) dan penyahiktirafan (rekod perakaunan) adalah proses apabila RTM tidak lagi mengiktiraf ATK sebagai aset kerana ia tidak lagi digunakan dalam operasi dan dilupuskan atau kerana tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaannya.

7.2 Pelupusan dan penyahiktirafan dilaksanakan melalui kaedah seperti berikut:

### **7.2.1 Pelupusan Aset Dengan Hasil**

Proses melupuskan aset secara jualan dengan mendapatkan hasil dan melibatkan pengiraan untung atau rugi atas pelupusan aset.

### **7.2.2 Pelupusan Aset (Lain-lain)**

Proses melupuskan aset secara hadiah, tamat tempoh hak siaran, musnah, rosak atau jualan sisa secara hapus kira perakaunan (accounting write off).

7.3 Setelah Laporan Kelulusan Pelupusan Aset diperolehi, PTJ hendaklah membuat tindakan pelupusan di rekod pengurusan aset dan melaksanakan pelupusan aset fizikal dengan kaedah yang telah ditetapkan.

7.4 Bagi menyahiktiraf rekod perakaunan aset di iGFMAS, PTJ perlu melaksanakan tindakan yang berikut:

7.4.1 Bagi pelupusan ATK secara hadiah, hilang atau musnah/ rosak, PTJ perlu mendapatkan Laporan Kelulusan Pelupusan Aset untuk rujukan dan tarikh pengiktirafan pelupusan merujuk kepada tarikh kelulusan hapuskira oleh Pegawai Pengawal.

7.4.2 Bagi ATK yang telah tamat hak siaran, PTJ perlu mendapatkan salinan kontrak untuk rujukan dan tarikh pengiktirafan pelupusan merujuk kepada tarikh tamat kontrak bagi hak siaran.



7.4.3 Membuat tindakan pelupusan di Portal iGFMAS dengan menyahiktiraf baki amaun bawaan (Nilai Buku Bersih) ATK yang berkenaan.

Nota: Bagi ATK Kandungan Kreatif Penyiaran yang disewakan hak siarannya kepada pihak lain, amaun bawaan ATK kekal di sistem iGFMAS dan dilunaskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

## **8. PENYESUAIAN ASET TAK KETARA**

8.1. PTJ hendaklah melaksanakan tindakan seperti berikut secara bulanan:

8.1.1 Menyemak aset yang disenaraikan di Laporan Baki Aset iGFMAS dengan laporan pengurusan aset dan menyediakan daftar perbezaan aset sekiranya terdapat perbezaan; dan

8.1.2 Menyemak silang daftar perbezaan aset dengan keberadaan fizikal aset.

8.2 Sekiranya terdapat perbezaan di antara Laporan Baki Aset iGFMAS dengan keberadaan aset, PTJ hendaklah menyediakan Laporan Perbezaan Baki Aset mengikut format yang ditetapkan oleh JANM.

8.3 Laporan Baki Aset dan Laporan Perbezaan Baki Aset yang disediakan secara bulanan oleh PTJ hendaklah disimpan sebagai rujukan dan melaksanakan tindakan pelarasan, sekiranya perlu.

8.4 Laporan Baki Aset dan Laporan Perbezaan Baki Aset yang disediakan bagi tempoh berakhir **30 September dan 31 Disember** hendaklah dikemukakan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan masing-masing untuk disatukan oleh Bahagian Akaun K-KOMM dan dikemukakan kepada JANM.

## 9. CARTA ALIR

Carta alir perakaunan ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM adalah seperti di **Lampiran A**.

## 10. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta, dan hendaklah dibaca bersama peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) serta peraturan kewangan lain yang berkaitan.

## 11. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

**Seksyen Aset**  
**Cawangan Operasi**  
**Bahagian Akaun**  
**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**E-mel: [seksyenaset@kkmm.gov.my](mailto:seksyenaset@kkmm.gov.my)**

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**







**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'M' followed by a long horizontal stroke extending to the right.

**(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)**

**CARTA ALIR PERAKAUNAN  
ATK KANDUNGAN KREATIF PENYIARAN RTM**

BIL	PROSES KERJA	TANGGUNG-JAWAB	CARTA ALIR
1.	Pastikan aset memenuhi kriteria ATK dan kos dapat diukur dengan pasti.	RTM	 <pre> graph TD     Mula([Mula]) --&gt; Aset[Aset memenuhi kriteria ATK &amp; kos boleh diukur dengan pasti]             </pre>
2.	Kenal pasti jenis urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran.	RTM	 <pre> graph TD     Aset[Aset memenuhi kriteria ATK &amp; kos boleh diukur dengan pasti] --&gt; Kenal[Kenal pasti jenis urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran]             </pre>
3.	Bagi urus niaga pertukaran, <b>nilai kos</b> pada tarikh pembelian digunakan dan diiktiraf apabila FRN/ GRN diperaku II. Bagi urus niaga bukan pertukaran, <b>nilai saksama</b> pada tarikh penerimaan digunakan dan diiktiraf berdasarkan tarikh terima pemberian/ hadiah.	RTM	 <pre> graph TD     Kenal[Kenal pasti jenis urus niaga pertukaran atau bukan pertukaran] --&gt; Urus1[Urus niaga pertukaran: (a) Nilai kos (b) Titik Iktiraf: FRN/ GRN diperaku II]     Kenal --&gt; Urus2[Urus niaga bukan pertukaran: (a) nilai saksama (b) Titik Iktiraf: Tarikh Terima ATK]             </pre>
4.	Kenal pasti tahun Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang diperolehi.	RTM	 <pre> graph TD     Urus1[Urus niaga pertukaran: (a) Nilai kos (b) Titik Iktiraf: FRN/ GRN diperaku II] --&gt; Kenal2[Kenal pasti tahun Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang diperolehi.]     Urus2[Urus niaga bukan pertukaran: (a) nilai saksama (b) Titik Iktiraf: Tarikh Terima ATK] --&gt; Kenal2             </pre>
5.	Bagi data 2017-2021, amaun ATK dimuat naik ke iGFMS melalui proses migrasi data manakala bagi data mulai 2022, amaun ATK terus diperakaunkan apabila perolehan dibuat melalui ePerolehan atau iGFMS.	RTM	 <pre> graph TD     Kenal2[Kenal pasti tahun Kandungan Kreatif Penyiaran RTM yang diperolehi.] --&gt; Data1[Data 2017-2021 diperakaunkan melalui migrasi data]     Kenal2 --&gt; Data2[Data mulai 2022 diperakaunkan terus dalam iGFMS]             </pre>
6.	Pastikan kod CAA yang digunakan adalah betul.	RTM	 <pre> graph TD     Data1[Data 2017-2021 diperakaunkan melalui migrasi data] --&gt; Pastikan[Pastikan kod CAA yang digunakan adalah betul]     Data2[Data mulai 2022 diperakaunkan terus dalam iGFMS] --&gt; Pastikan             </pre> <p align="center">A</p>

BIL	PROSES KERJA	TANGGUNG-JAWAB	CARTA ALIR
7.	Wujud/ Kemaskini Data Induk Aset secara automatik/ manual di Portal iGFMAS.	RTM	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; B[Wujud/ Kemaskini Data Induk Aset di Portal iGFMAS]     B --&gt; C[Kenal pasti usia guna ATK]     C --&gt; D[Guna kepakaran teknikal atau Semak kontrak]     D --&gt; E[Hakmilik penuh - tempoh potensi perkhidmatan]     D --&gt; F[Hak siaran terhadap - tempoh kontrak]     E --&gt; G[Kemaskini tempoh usia guna dalam Data Induk Aset]     F --&gt; G     G --&gt; H[Semak Laporan Susut Nilai Aset di Portal iGFMAS secara bulanan]     H --&gt; I[Semak Laporan Baki Aset dengan laporan pengurusan aset dan fizikal aset]     I --&gt; J[Tamat] </pre>
8.	Tentukan jangkaan tempoh usia guna untuk melunaskan kos ATK Kandungan Kreatif Penyiaran RTM.	RTM	
9.	Guna kepakaran teknikal atau semak kontrak yang berkaitan untuk menentukan tempoh usia guna yang bersesuaian.	RTM	
10.	Bagi Kandungan Kreatif Penyiaran Hakmilik Penuh, tempoh potensi perkhidmatan digunakan. Bagi hak siaran terhadap, tempoh usia guna adalah berdasarkan kontrak.	RTM	
11.	Kemaskini tempoh usia guna dalam Data Induk Aset di Portal iGFMAS.	RTM	
12.	Semak Laporan Susut Nilai Aset di Portal iGFMAS secara bulanan dan melaporkan ketidaktepatan data kepada BA K-KOMM.	RTM/ BA K-KOMM	
13.	Semak Laporan Baki Aset iGFMAS dengan laporan pengurusan aset serta keberadaan fizikal aset secara bulanan. Sediakan Laporan Perbezaan Baki Aset sekiranya terdapat perbezaan dan laras sekiranya perlu.	RTM	

## SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah  
Jabatan Penyiaran Malaysia  
Wisma TV Angkasapuri  
**50610 KUALA LUMPUR**  
[KOD PTJ: 48201020, 48201030, 48201040, 48201050, 48201060, 48201070]
  
2. Pengarah  
Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah  
Kompleks Bersepadu  
Off Jalan Lintas Kepayan  
**88200 KOTA KINABALU, SABAH**  
[KOD PTJ: 48202010]
  
3. Pengarah  
Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak  
Bangunan RTM, Jalan P. Ramlee  
**93614 KUCHING, SARAWAK**  
[KOD PTJ: 48203010]
  
4. Pengarah  
Jabatan Penyiaran Pulau Pinang  
Jalan Burma  
**10350 PULAU PINANG**  
[KOD PTJ: 48204010]
  
5. Pengarah  
Jabatan Penyiaran Negeri Johor  
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar  
Karung Berkunci 716  
**80990 JOHOR BAHRU, JOHOR**  
[KOD PTJ: 48205010]
  
6. Pengarah  
Jabatan Penyiaran Negeri Terengganu  
Peti Surat 63  
**20914 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**  
[KOD PTJ: 48206010]

7. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Kedah  
Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Abdul Halim  
KM 3, Jalan Kuala Kedah  
**05400 ALOR SETAR, KEDAH**  
[KOD PTJ: 48207010]

8. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Perlis  
Tingkat 6, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
**01000 KANGAR, PERLIS**  
[KOD PTJ: 48208010]

9. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Perak  
Kompleks Sultan Nazrin Shah  
Jalan Raja Musa Mahadi  
**31400 IPOH, PERAK**  
[KOD PTJ: 48209010]

10. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan  
Peti Surat 143  
**15710 KOTA BHARU, KELANTAN**  
[KOD PTJ: 48210010]

11. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Pahang  
Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah  
Peti Surat 152  
**25710 KUANTAN, PAHANG**  
[KOD PTJ: 48211010]

12. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Melaka  
Jalan Taming Sari  
**75614 MELAKA**  
[KOD PTJ: 48212010]

13. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Selangor  
Selangor FM, Tingkat 2, Bangunan IPPTAR  
**50614 ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR**  
[KOD PTJ: 48213010]

14. Pengarah

Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan  
Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad  
Lot 24157 Sungai Gadut  
**71450 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**  
[KOD PTJ: 48214010]

15. Pengarah

Jabatan Penyiaran Wilayah Persekutuan Labuan  
Jalan Tanjung Taras  
Peti Surat 81311  
**87023 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**  
[KOD PTJ: 48215010]

16. Pengarah

Jabatan Penyiaran Malaysia Langkawi  
Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji  
**07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH**  
[KOD PTJ: 48216010]